



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

SOALAN LAZIM (FAQ)

PENGOPERASIAN INSTITUSI PENDIDIKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA SERTA PEPERIKSAAN AWAM TAHUN 2020

A. PENGURUSAN PENUTUPAN SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN

- 1. Adakah semua sekolah/institusi pendidikan yang berdaftar bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlibat dengan arahan penutupan selaras dengan sidang media oleh YBMK Pendidikan pada 8 November 2020?**

Ya. Ini termasuklah sekolah harian, sekolah berasrama penuh, Kolej Vokasional, Kolej Tingkatan Enam, Kolej Matrikulasi, Institut Pendidikan Guru (IPG) dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM.

- 2. Bilakah tarikh penutupan sekolah/institusi pendidikan berkuat kuasa?**

Bermula dari 9 November 2020 sehingga 17 Disember 2020 di negeri Kumpulan A dan 18 Disember 2020 di negeri Kumpulan B.

3. Adakah institusi pendidikan swasta selain daripada kategori sekolah dibenarkan beroperasi selepas PKPB/PKPD tamat?

Ya, dengan mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu KPM dan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan MKN.

4. Adakah sekolah antarabangsa dan sekolah ekspatriat dibenarkan beroperasi selepas PKPB/PKPD tamat?

Ya, dengan mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu KPM serta SOP yang ditetapkan oleh KKM dan MKN.

5. Adakah Kolej GENIUS @ Pintar (KGP) dan Kolej GENIUS Insan (KGI) dibuka sepanjang tempoh PKPB/PKPD?

Tidak.

6. Adakah guru/pensyarah perlu hadir bertugas apabila sekolah/institusi pendidikan ditutup?

Tidak. Guru/Pensyarah di semua negeri hendaklah bekerja dari rumah (BDR). Guru/Pensyarah dikehendaki berada di stesen tempat bertugas masing-masing dan sentiasa bersedia sekiranya diarah hadir bertugas mengikut arahan Ketua Jabatan serta mematuhi semua SOP yang ditetapkan.

7. Adakah pentadbir dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru perlu hadir bertugas apabila sekolah/institusi pendidikan ditutup?

Ya, mengikut ketetapan berikut:

- i. Pengoperasian pejabat sekolah/institusi pendidikan tidak boleh ditutup dan segala urusan pejabat perlu dilaksanakan seperti biasa. Pentadbir perlu merancang jadual kehadiran bertugas secara bergilir bagi pihak pengurusan dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru berpandukan arahan bekerja dari rumah oleh MKN dan surat KPPA (ruj.: JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.7(2) bertarikh 21 Oktober 2020). Kehadiran maksimum adalah 30 peratus dan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.
- ii. Semua pentadbir dan Anggota Perkhidmatan Bukan Guru boleh dipertimbangkan untuk BDR kecuali mana-mana perkhidmatan yang urusan atau tugasannya memerlukan keberadaan mereka di pejabat dengan kebenaran Ketua Jabatan.
- iii. Ketua Jabatan hendaklah memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan adalah seperti biasa dan pertimbangan untuk BDR tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

8. Siapakah yang perlu hadir ke sekolah/institusi pendidikan sepanjang tempoh penutupan?

- i. Pekerja perkhidmatan perlu (*essential services*) termasuk pekerja pembersihan dan pengawal keselamatan; dan
- ii. Warden asrama dan pekerja dewan makan asrama sekiranya terdapat murid/pelajar yang kekal tinggal di asrama.

B. PENGGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2021

9. Bilakah penggal persekolahan tahun 2021 akan bermula?

Kehadiran murid ke sekolah pada tahun 2021 adalah seperti berikut:

- i. secara bersemuka di sekolah mulai **20 Januari 2021**:
 - a) semua murid sekolah rendah termasuk murid prasekolah;
 - b) semua murid sekolah menengah **kecuali** murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 3;
 - c) semua murid Tingkatan 5 tahun 2020 yang akan menduduki peperiksaan SPM;
 - d) Semua Murid Bekeperluan Khas (MBK) di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah rendah dan sekolah menengah;
 - e) murid Kolej Tingkatan Enam; dan
 - f) murid Kolej GENIUS @ Pintar (KGP) dan Kolej GENIUS Insan (KGI) kecuali murid Aras 2 dan Aras 3.
- ii. secara PdPR mulai 20 Januari 2021 dan secara bersemuka di sekolah mulai **8 Mac 2021**:
 - a) murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 3; dan
 - b) murid Aras 2 dan Aras 3 Kolej GENIUS @ Pintar (KGP) dan Kolej GENIUS Insan (KGI).

10. Bilakah pelajar Kolej Vokasional akan memulakan sesi pembelajaran bagi tahun 2021?

Pada 20 Januari 2021 bagi pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) serta Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Semester 2 dan Semester 4.

C. PENGURUSAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

11. Adakah PdP perlu dilaksanakan bagi sekolah/institusi pendidikan yang ditutup?

Ya. Pentadbir akan memastikan guru/pensyarah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dirumah (PdPR) mulai 9 November hingga 17 Disember 2020 di negeri Kumpulan A dan 18 Disember 2020 di negeri Kumpulan B mengikut kesesuaian guru/pensyarah dan murid/pelajar. Manual PdPR boleh dimuat turun di portal rasmi KPM www.moe.gov.my.

12. Adakah guru/pensyarah boleh memohon untuk hadir ke sekolah/institusi pendidikan bagi menggunakan kemudahan internet dan mendapatkan bahan pembelajaran untuk melaksanakan PdPR?

Ya. Guru/Pensyarah boleh memohon daripada Ketua Jabatan. Ketua Jabatan boleh memberi kebenaran atas faktor kritikal dan memastikan kehadiran adalah minimum serta mematuhi SOP yang ditetapkan.

D. PENGURUSAN SKIM PINJAMAN BUKU TEKS (SPBT)

13. Bilakah proses pemulangan dan agihan buku teks untuk murid-murid selain murid Tingkatan 5 tahun 2020?

Pihak sekolah akan menyediakan jadual pemulangan dan agihan secara berperingkat mengikut kesesuaian sekolah bagi mengelakkan kesesakan.

- 14. Bilakah murid Tingkatan 5 yang akan mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 22 Februari 2021 perlu memulangkan buku teks di bawah SPBT?**

Selepas selesai peperiksaan SPM.

- 15. Adakah murid Tingkatan 5 tahun 2021 akan menggunakan buku teks yang sama?**

Tidak. Murid akan dibekalkan dengan buku teks Tingkatan 5 Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bagi kegunaan tahun 2021.

E. PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

- 16. Adakah peperiksaan SPM, SVM, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan diteruskan?**

Ya. Peperiksaan SPM, SVM dan STAM akan bermula pada 22 Februari 2021 dan STPM pada 8 Mac 2021.

- 17. Adakah Pentaksiran Pusat bagi murid Tingkatan 5 yang telah dijadualkan sehingga Disember 2020 tetapi masih belum diselesaikan akan ditangguhkan?**

Ya. KPM akan menjadualkan semula pentaksiran tersebut dan tarikh baharu akan dimaklumkan kelak.

- 18. Adakah Peperiksaan Percubaan SPM yang belum selesai akan dijadualkan semula?**

Ya. Mengikut kesesuaian sekolah.

19. Adakah tarikh pengisian markah Peperiksaan Percubaan SPM dalam Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS) akan dilanjutkan?

Ya, dilanjutkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

20. Adakah penghantaran markah kerja kursus Semester 3 STPM 2020 dan Semester 1 STPM 2021 dilanjutkan?

Ya. Kalendar kerja kursus STPM 2020 dan STPM 2021 yang terkini boleh dirujuk di portal Majlis Peperiksaan Malaysia www.mpm.edu.my.

21. Adakah tarikh Ujian Malaysian University English Test (MUET) Tahun 2020 dipinda?

Ya. Tarikh baharu Ujian MUET Bertulis Sesi 2 adalah pada 30 Januari 2021 manakala tarikh Ujian MUET Bertulis Matrikulasi dan The Common European Framework of Reference For Languages Readiness (CEFR R) adalah pada 6 Februari 2021. Tarikh Ujian Lisan MUET Matrikulasi dan The Common European Framework of Reference For Languages Readiness (CEFR R) adalah pada 26 dan 27 Januari 2021, dan 2, 3, 4 dan 8 Februari 2021.

22. Bagaimanakah calon yang tidak mempunyai keputusan MUET Sesi 1 atau Sesi 2 akibat penangguhan ujian MUET Tahun 2020 memohon untuk kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)?

MPM akan menghantar "Data Pendaftaran" Ujian MUET Sesi 1 atau Sesi 2 bagi calon yang tertangguh Ujian MUET Tahun 2020 ke UPU bagi kemasukan murid ke IPT. Calon boleh menduduki MUET bila mereka berada di IPT.

23. Adakah sekolah/institusi pendidikan dibenarkan untuk menjalankan peperiksaan antarabangsa semasa sekolah/institusi pendidikan ditutup?

Ya. Calon perlu mendapatkan surat kebenaran menduduki peperiksaan daripada sekolah/institusi pendidikan sebagai bukti pengesahan. Pelaksanaan peperiksaan perlu mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

F. PENTAKSIRAN KEMASUKAN MURID KE SEKOLAH KHUSUS (PKSK)

24. Adakah PKSK bagi kemasukan murid ke Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 Tahun 2021 ditangguhkan?

Ya. Tarikh baharu PKSK murid Tingkatan 1 adalah pada 20 hingga 29 Januari 2021 dan Tingkatan 4 pada 15 hingga 25 Februari 2021.

25. Bilakah keputusan PKSK diumumkan?

Tingkatan 1 pada 12 Mac 2021 dan Tingkatan 4 pada 5 April 2021.

G. PENGURUSAN ASRAMA SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN

26. Adakah semua murid/pelajar yang tinggal di asrama perlu pulang ke rumah apabila arahan penutupan sekolah/institusi pendidikan dikeluarkan?

Ya. Walau bagaimanapun, murid/pelajar yang menunggu untuk diambil ibu bapa/penjaga akan berada bawah penjagaan warden asrama/pembantu pengurusan murid. Keperluan makan

dan minum murid/pelajar sepanjang tempoh tersebut akan disediakan oleh pihak sekolah/institusi pendidikan mengikut dokumen kontrak Bekalan Makanan Bermasak (BMB) yang sedang berkuat kuasa.

27. Adakah ibu bapa/penjaga yang berada di kawasan PKPB/PKPD dibenarkan mengambil anak/anak jagaan atau barang diasrama?

Ya. Ibu bapa/penjaga dibenarkan untuk datang menguruskan perjalanan pulang anak/anak jagaan mereka atau mengambil barang yang berada di asrama sekolah/institusi pendidikan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah dalam Norma Baharu. Pihak sekolah hendaklah mengeluarkan surat pengesahan bagi ibu bapa/penjaga mendapatkan kebenaran daripada PDRM untuk tujuan rentas negeri dan daerah.

28. Bolehkah sekolah/institusi pendidikan menguruskan murid/pelajar untuk pulang ke rumah masing-masing?

Ya. Mengikut kesesuaian dan keperluan.

29. Adakah murid dari atau ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan perlu menjalani ujian saringan COVID-19 serta proses kuarantin?

Tertakluk kepada SOP yang ditetapkan oleh MKN, KKM dan kerajaan negeri dari semasa ke semasa.

30. Bagaimanakah status perkhidmatan Bekalan Makanan Bermasak (BMB)?

Perkhidmatan BMB akan diteruskan di sekolah/institusi pendidikan sehingga semua murid/pelajar telah diambil oleh ibu bapa/penjaga. Pihak sekolah/institusi pendidikan hendaklah mengeluarkan notis penggantungan perkhidmatan sementara kepada kontraktor dalam tempoh yang munasabah mengambil kira jangkaan asrama dikosongkan.

31. Adakah pentadbir sekolah/institusi pendidikan boleh mengubah pesanan perkhidmatan BMB yang telah dibuat seperti yang ditetapkan dalam dokumen kontrak?

Boleh. Perkara ini perlu mendapat persetujuan kedua-dua pihak (pentadbir sekolah/institusi pendidikan dan kontraktor) secara bertulis.

32. Bagaimanakah pembayaran perkhidmatan BMB kepada kontraktor akan dibuat?

Pembayaran perkhidmatan akan dibuat mengikut kadar sajian dan bilangan murid/pelajar pada waktu sajian seperti yang dinyatakan dalam pesanan perkhidmatan.

33. Berapakah bilangan pekerja dewan makan yang perlu disediakan oleh kontraktor BMB apabila bilangan murid berkurangan?

Bilangan pekerja adalah berdasarkan bilangan murid yang berada di asrama dengan bilangan minimum empat (4) orang.

H. PELAKSANAAN AKTIVITI SUKAN DAN KOKURIKULUM

34. Adakah aktiviti sukan dan kokurikulum secara dalam talian boleh dilaksanakan dalam tempoh PKPB/PKPD?

Ya, boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian, keperluan serta keupayaan sekolah.

35. Adakah sekolah perlu membuat pengisian data Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)?

Ya, bagi semua aktiviti secara dalam talian yang dilaksanakan, selaras dengan Surat Pemakluman Pengisian Data Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) bertarikh 22 September 2020.

36. Adakah ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan Untuk Sekolah Malaysia (SEGAK) diteruskan?

Tidak. Keputusan SEGAK bagi murid Tingkatan Lima (berumur 17 tahun) tahun 2020 adalah berdasarkan perkara berikut:

- i. Menggunakan keputusan ujian SEGAK bulan Oktober 2020 atau;
- ii. Menggunakan keputusan ujian SEGAK bulan Mac 2020 jika murid tidak melaksanakan ujian SEGAK Oktober 2020 atau;
- iii. Menggunakan keputusan ujian SEGAK bulan Ogos 2019 (umur 16 tahun) jika murid tidak melaksanakan ujian SEGAK tahun 2020.

37. Bilakah keputusan SEGAK boleh dimuat turun?

Sekolah boleh memuat turun slip keputusan SEGAK murid Tingkatan Lima (berumur 17 Tahun) dari sistem SPS-APDM-PAJSK pada tarikh berikut:

- i. 5 November hingga 31 Disember 2020 bagi slip keputusan ujian SEGAK Mac dan Oktober 2020.
- ii. 9 hingga 31 Disember bagi slip keputusan ujian SEGAK bulan Ogos 2019 (murid berumur 16 tahun)

I. PENGURUSAN KANTIN SEKOLAH, PENGURUSAN PROGRAM RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN (RMT), PROGRAM SUSU SEKOLAH (PSS)

38. Adakah tempoh Perjanjian Penyewaan dan Pengurusan Kantin Sekolah diteruskan seperti biasa sehingga tamat perjanjian yang telah ditandatangani?

Ya. Walau bagaimanapun, kantin sekolah tidak beroperasi dalam tempoh penutupan sekolah sehingga 20 Januari 2021.

39. Adakah bekalan susu bagi Program Susu Sekolah (PSS) akan diteruskan apabila sekolah ditutup?

Tidak. Bekalan susu dihentikan berkuat kuasa 9 November 2020.

40. Adakah tempahan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) bagi penyediaan makanan mulai 9 November 2020 boleh dibatalkan?

Ya.

J. PENGURUSAN DAN PENGOPERASIAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) DAN KOLEJ MATRIKULASI (KM)

41. Adakah pelajar di IPG/KM dibenarkan pulang selepas arahan penutupan institusi pendidikan dikeluarkan?

Ya. Pergerakan pulang pelajar IPG/KM adalah mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak berkaitan.

42. Adakah pelajar IPG/KM yang masih tinggal di asrama dibenarkan balik ke rumah selepas PKPB/PKPD berakhir?

Ya. Pergerakan pulang pelajar IPG/KM adalah mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak berkaitan.

43. Adakah pelajar KM yang telah berada di rumah dibenarkan balik awal ke kolej selepas PKPB/PKPD berakhir walaupun tarikh pulang bermalam dilanjutkan?

Tidak.

44. Bilakah tarikh pelajar IPG/KM perlu hadir semula secara bersemuka ke IPG/KM?

Pelajar KM perlu kembali semula ke kolej bagi meneruskan program yang akan bermula pada 4 Januari 2021 manakala pelajar IPG perlu kembali semula ke kampus pada 17 Januari 2021.

45. Adakah pelajar IPG dibenarkan pulang menggunakan kenderaan awam selepas arahan penutupan institusi pendidikan dikeluarkan?

Ya. Pihak IPG akan mengeluarkan surat pengesahan pelajar dan

juga mendapatkan kebenaran daripada PDRM untuk tujuan rentas negeri dan daerah.

46. Bagaimanakah pelaksanaan PdP sepanjang tempoh penutupan IPG/KM?

Semua pelajar akan meneruskan PdP secara dalam talian sepenuhnya dan melakukan ulang kaji sendiri.

-TAMAT-